

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11 / 08 / 2007

# Kerajaan perketat lesen membalak

Oleh SHARILFUDDIN SAARI

SANDAKAN 10 Ogos – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, kerajaan tidak akan mengeluarkan dengan mudah lesen membalak bagi memastikan sumber hutan di negara ini terpelihara untuk generasi masa depan.

Menurut Perdana Menteri, langkah tersebut menunjukkan komitmen tinggi kerajaan dalam menyokong usaha-usaha memelihara khazanah alam sekitar selain melaksanakan sistem pengurusan hutan mapan.

Justeru, beliau memuji ketegasan kerajaan negeri Sabah di bawah kepimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman yang begitu sukar mengeluarkan lesen membalak demi melindungi hutan di negeri ini.

“Saya sifatkan Datuk Seri Musa (Aman) seorang yang ‘degil’ mengeluarkan lesen balak, (mungkin) ini kerana penasihatnya, Datuk Sam Mannan (Pengarah Perhutanan Sabah) juga sama (degil),” katanya ketika berucap merasmikan Pusat Pene-

muan Hutan Hujan (RDC) di Sepilok dekat sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Azmi Khalid.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Kumpulan Yayasan Sabah dan Synergy Farm (M) Sdn. Bhd. untuk terlibat dalam tanaman pisang di Kalabakan, Tawau.

## Perjanjian

Perjanjian persefahaman juga ditandatangani antara kerajaan negeri Sabah dan kerajaan Kedah untuk mengusahakan tanaman getah di Pulau Banggi.

Tahun lalu, Abdullah melakukan lawatan kerjanya ke Hutan Simpan Deramakot yang terletak kira-kira 175 kilometer dari pusat bandar ini untuk meninjau program pengurusan hutan mapan di kawasan ter-

sebut seluas 55,000 hektar.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri seterusnya mahu semua pihak termasuk kerajaan-kerajaan negeri melaksanakan sistem pengurusan hutan mapan kerana ia merupakan komponen penting dalam usaha memelihara alam sekitar.

Atas kesedaran itu, katanya, kerajaan telah meletakkan komitmen yang tinggi untuk memastikan agar pengurusan dan penggunaan sumber hutan akan terus dilakukan secara mapan.

“Ini dibuktikan apabila Malaysia mencapai persetujuan melalui persepakatan negara ASEAN untuk mewujudkan ‘Jantung Borneo’ melibatkan negeri Sabah dan Sarawak, Brunei serta Indonesia (Kalimantan),” tambahnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahukan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang bakal dilaksanakan di negeri ini tidak lama lagi memasukkan soal pengurusan hutan mapan sebagai elemen terpentingnya.

“Saya dah sampaikan perkara ini (mema-

sukkan pengurusan hutan mapan) dalam SDC kepada Datuk Musa (Aman) dan berharap ia akan dilaksanakan,” ujar beliau.

Dalam pada itu, beliau berharap rakyat negara ini bersyukur kerana walaupun telah 50 tahun mencapai kemerdekaan, Malaysia masih mampu mengekalkan hutan yang meliputi kira-kira 60 peratus daripada keseluruhan kawasan tanahnya.

Abdullah menambah, Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan terus memperkasakan pelaksanaan hutan mapan, membangunkan produk hutan dan herba selain memelihara kawasan tadahan air hujan.

Mengenai RDC pula, beliau menyifatkan penubuhan pusat itu akan membantu mendidik masyarakat tentang kepentingan hutan hujan di samping menggalakkan pertumbuhan pelancongan ekologi di negeri ini dan negara amnya.

“Saya turut berharap pengalaman negeri Sabah ini akan dapat dikongsi dengan negeri-negeri lain bagi manfaat bersama,” jelasnya.

um- 11/8/2007